

KPKT tawar beberapa skim kediaman kepada mangsa-mangsa terlibat

# Mangsa DBI Properties dibantu

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menawarkan beberapa skim kediaman sedia ada bagi membantu mangsa penipuan jualan rumah banglo DBI Properties untuk memiliki rumah sendiri.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, tawaran tersebut merupakan usaha kementerian untuk menolong mangsa-mangsa yang terlibat.

“KPKT menawarkan beberapa skim seperti pinjaman perumahan, projek perumahan rakyat dan perumahan mampu milik swasta kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

“Keutamaan akan diberikan kepada mangsa-mangsa tersebut sekiranya mereka memohon

skim-skim berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan bersama mangsa penipuan perumahan DBI Properties di sini semalam.

Kes penipuan skim kediaman DBI Properties menarik perhatian umum sebelum ini apabila polis menahan Datuk Boy Iman bagi membantu siasatan melibatkan kerugian RM6.2 juta.

Boy Iman atau nama sebenarnya Noruliman A. Rahman selaku pemilik DBI Properties disiasat polis ekoran 188 laporan yang dibuat oleh sekumpulan mangsa.

Syarikat berkenaan dipercayai menawarkan rumah kepada pembeli pada harga jauh lebih



KERATAN Kosmo! 4 Oktober 2017.

murah daripada harga pasaran iaitu sekitar RM60,000 untuk banglo bersaiz 154 meter persegi.

Bagaimanapun, selepas bayaran dilunaskan pembinaan rumah berkenaan tidak dijalankan.

Dalam pada itu, Noh memberitahu, KPKT sedang meneliti untuk membuat pindaan ke atas Akta 118 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 bagi melindungi pembeli



NOH (tengah) bersalaman bersama beberapa mangsa penipuan DBI Properties semasa pertemuan di Kuala Lumpur semalam.

kediaman.

Katanya, dalam pindaan tersebut pihaknya akan memperluaskan skop Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) bagi menyelesaikan masalah Skim

Penipuan Hartanah di negara ini.

“Pindaan ini bagi membolehkan mangsa-mangsa yang ditipu dapat menuntut hak mereka seperti deposit rumah dan membuat tuntutan di TTPR,” katanya.